



**TEKS UCAPAN RAKAMAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA
MAJLIS PERSARAAN
YANG BERUSAHA TUAN HAJI ABDUL MALEK BIN HARON
KETUA PEGAWAI PENDIDIKAN
DAERAH ALOR GAJAH**

**TARIKH: 12 JULAI 2021 (ISNIN), MASA: 10.30 PAGI
BERTEMPAT DI PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera, dan
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit
Dunia,

Buat yang diraikan Tuan Haji Abdul Malek bin Haron,
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah izin-Nya, dapat kita bersama-sama pada hari ini bertemu secara maya, dalam majlis yang penuh bermakna bagi meraikan sahabat

saya, Tuan Haji Abdul Malek bin Haron, Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Alor Gajah yang akan menamatkan tugas beliau dalam dunia perkhidmatan awam, khususnya dunia pendidikan.

2. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Alor Gajah atas inisiatif menganjurkan majlis ini walaupun kita masih berdepan dengan pandemik COVID-19.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

3. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan bakti Tuan Haji Abdul Malek yang telah berkhidmat selama 35 tahun 6 bulan sebagai penjawat awam.

4. Sesungguhnya segala usaha, kudrat dan pengorbanan yang telah disumbangkan secara langsung mahupun tidak langsung telah membantu dan mencorakkan kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Alor Gajah dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Melaka secara am.

5. Sudah pasti, sepanjang perkhidmatan, banyak cabaran dan kejayaan telah diharungi dalam membina kerjaya beliau dan setiap kejayaan yang telah dilakarkan akan kekal dalam lipatan sejarah bagi seluruh warga pendidikan Negeri Melaka.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

6. Menyentuh berkaitan perkhidmatan pula, kita sebagai penjawat awam akan dilatih dan didedahkan dengan pelbagai latihan kemahiran, keterampilan diri, tata susila, kesopanan dan nilai-nilai murni diterapkan dalam diri kita.
7. Dunia perkhidmatan awam telah mengajar kita segala-galanya tentang kehidupan, pengorbanan dan kejayaan. Tanpa kita sedari, segala ilmu, kemahiran dan pengalaman ini menjadi aset penting dan bernilai apabila kita menempuhi dunia persaraan.

8. Dalam kehidupan, kita sering mendengar ungkapan, **“Yang penting bukan berapa lama kita hidup, tetapi bagaimana kita hidup.”** Begitu juga dalam perkhidmatan, **yang penting bukan berapa lama kita berkhidmat, tetapi bagaimana kita berkhidmat dan bagaimana kita mencurahkan perkhidmatan kita kepada masyarakat.**

9. Justeru, tahniah saya ucapkan kepada Yang Diraikan Tuan Haji Abdul Malek, Ketua Pegawai Pendidikan Daerah Alor Gajah kerana telah melunaskan segala amanah yang telah diberi dengan

cemerlang dan efisien dalam sistem sosial masyarakat sepanjang tempoh perkhidmatan.

10. Saya dan semua barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Melaka mendoakan semoga Tuan Haji diberikan kesihatan yang baik dan dipermudahkan segala urusan agar dapat terus aktif menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat kerana saya percaya, dengan pengalaman yang dimiliki, masyarakat masih memerlukan sumbangan anda di luar sana.

11. Akhir kata, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka, mengucapkan selamat bersara dan selamat maju jaya kepada yang diraikan, Tuan Haji Abdul Malek. Semoga kenangan menyertai perkhidmatan awam menjadi memori indah kepada anda.

12. Maka dengan ini, saya sudahi ucapan saya dengan dua rangkap pantun:

***Kalau ada pauh di daik,
Bawa sebiji ke tanah seberang,
Kalau ada budi yang baik,
Sampai mati dikenang orang.***

***Pahat papan serupa dulu,
Bawah kain daun cermai;
Rehatlah tuan di fasa baru,
Ukhuwah terjalin usah terurai.***

Sekian,

Wabillahitaufik walhidayah,
warahmatullahi wabarakatuh.

Wassalamualaikum

Terima kasih.